

## **ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT TENDER**

### **1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Semua syarikat yang hendak menyertai tender ini hendaklah terlebih dahulu berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi skop kerja untuk tender ini.
- 1.2 Pelawaan ini adalah terikat kepada Arahan Kepada Petender dan syarat-syarat yang dikembarkan bersama-sama ini.
- 1.3 Petender-petender hendaklah mematuhi sepenuhnya semua syarat-syarat ini apabila menyertai tender. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan, membolehkan tender tersebut tidak dapat dipertimbangkan dan terus ditolak.

### **2. SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di lain-lain tempat dalam pelawaan ini, syarat am yang berikut hendaklah dipakai melainkan setakat mana syarat-syarat am itu boleh ditolak secara tertentu atau diubah oleh petender.

#### **2.1 Keadaan barang-barang**

Semua barang-barang mestilah baru dan belum diguna.

#### **2.2 Diskaun**

Tiap-tiap diskaun termasuk diskaun-diskaun perniagaan, tunai dan bayaran cepat yang diberi atas sesuatu harga, mestilah ditunjukkan.

#### **2.3 Barang-barang Samanilai**

Tawaran boleh disampaikan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

#### **2.4 Setujuterimaan**

- i. Tender yang rendah sekali atau mana-mana tender tidaklah semestinya disetujuterima.
- ii. Tiap-tiap satu butiran akan ditimbangkan sebagai satu tender yang berasingan.

## **2.5 Pemeriksaan**

- i. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang adalah berhak mengarahkan barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seorang pegawai yang dilantiknya semasa ianya diserahkan atau pada bila-bila masa yang lain sebelum/setelah diserahkan.
- ii. Petender hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

## **2.6 Perakuan Mematuhi Penentuan**

Petender-petender adalah dikehendaki memperakui bahawa barang-barang perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam tawaran ini.

## **2.7 Penolakan**

- i. Pembekalan barang-barang yang kualitinya rendah ataupun yang berlainan dari yang dinyatakan di dalam cadangan tender akan ditolak.
- ii. Apabila diminta, petender hendaklah memindahkan barang-barang yang ditolak itu atas risiko dan perbelanjaannya sendiri dan ia hendaklah membayar balik kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang segala perbelanjaan yang telah dilakukan atas barang yang ditolak itu.
- iii. Fasal kecil (i) dan (ii) di atas, adalah tanpa menyentuh apa-apa hak terhadap gantirobak kerana melanggar kontrak.

## **2.9 Pengiklanan**

Tiada iklan mengenai setujuterima terhadap mana-mana tender boleh disiarkan di dalam akhbar, majalah atau lain-lain perantaraan iklan tanpa kelulusan terlebih dahulu dari Setiausaha Majlis Agama Islam Pulau Pinang.

## **2.10 Tafsiran**

Tender ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah ditafsirkan mengikut dan tertakluk kepada undang-undang Malaysia, dan petender bersetuju patuh kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia dalam apa-apa jenis pertikaian atau perselisihan yang timbul mengenai tender ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

### **2.11 Insurans**

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan dari negeri pembekal atau dalam Malaysia boleh dimasukkan dalam tender.

### **2.12 Cukai**

Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

### **2.13 Pembungkusan**

- i. Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk belanja pembungkus atau membungkus.
- ii. Apa-apa kehilangan atau kerosakan akibat pembungkus atau pembungkusan yang tidak cukup atau cacat, hendaklah diganti oleh petender.

### **2.14 Pengenalan**

Jika berkenaan, nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri atau tempat asal barang-barang itu hendaklah ditunjukkan.

## **3. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN**

### **3.1 Dokumen Tender**

- i. Hanya borang asal diterima untuk maksud tender ini. Borang-borang tambahan yang hendak digunakan mestilah mempunyai ukuran yang sama, mengandungi ruang yang sama dan serupa dengan borang asal.
- ii. Borang **Jadual Penentuan - Spesifikasi Teknikal Peralatan (Lampiran D1 dan D2)** dan **Borang Jadual Harga (Lampiran F)** hendaklah **ditaipkan dan ditandatangani di dalam dokumen tender.**
- iii. Hanya tender yang lengkap sahaja akan diproses. Tender yang tidak lengkap atau tidak ditandatangani akan ditolak secara automatik.
- iv. Sebarang pindaan yang dibuat ke atas mana-mana ruangan mestilah dipotong dan ditandatangani ringkas dan tarikh hendaklah dicatatkan dengan terang setentang dengan apa-

apa perubahan yang dibuat. **Penggunaan pemadam dakwat adalah tidak dibenarkan.**

- v. Kesemua petender yang menghantar dokumen tender hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida adalah seperti di **Lampiran C**. Surat Akuan Pembida adalah dokumen **WAJIB** yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran petender.

### **3.2 Spesifikasi**

- i. Penentuan (spesifikasi) alat-alat yang dikehendaki adalah sepertimana yang dinyatakan dalam **Jadual Penentuan - Spesifikasi Teknikal Peralatan (Lampiran D1 dan D2)** yang dikembarkan bersama-sama ini.
- ii. Sebarang tuntutan kenaikan harga bagi mana-mana alat yang timbul akibat daripada perbezaan di antara pentafsiran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dengan petender mengenai spesifikasi alat-alat yang berkenaan tidak akan dilayan.

### **3.3 Perisian**

Jika didapati perisian sistem pengoperasian yang dibekalkan tidak sesuai (*compatible*) dengan system-sistem atau perkakasan yang digunakan di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, pihak pembekal dikehendaki '*down grade*' perisian berkenaan atau mencari alternatif lain mengikut kesesuaian.

### **3.4 Cagaran Keselamatan**

- i. Petender-petender yang berjaya, dikehendaki memberi Cagaran Keselamatan untuk memastikan kontrak dilaksanakan mengikut syarat-syarat dalam kontrak. Bagi kontrak bekalan yang dinilainya tidak melebihi RM500,000.00/- setahun, Cagaran Keselamatan akan dikenakan dengan kadar 2.5% daripada jumlah kontrak. Bagi kontrak bekalan yang bernilai RM500,000.00/- atau lebih setahun, petender-petender yang berjaya dikehendaki memberi Cagaran Keselamatan dengan kadar 5% daripada jumlah kontrak. Cagaran Keselamatan ini hendaklah dalam bentuk jaminan bank daripada Bank-Bank yang berdaftar di

Malaysia yang diluluskan. Bagi kontrak-kontrak yang bernilai tidak lebih daripada RM500,000.00/- Jaminan Insuran daripada Syarikat Insuran yang berdaftar di Malaysia yang diluluskan bolehlah diterima selain daripada jaminan bank.

- iii. Cagaran Keselamatan akan dikembalikan setelah kontrak dilaksanakan dengan memuaskan. Sekiranya kontrak itu tidak dilaksanakan dengan memuaskan, maka Cagaran Keselamatan itu akan dirampas.
- iv. Cagaran Keselamatan hendaklah dikemukakan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh surat setujuterima tawaran dikeluarkan.
- v. Petender hendaklah menggunakan format cagaran keselamatan yang telah disediakan tanpa pindaan. Tempoh sahlaku cagaran ini hendaklah tamat 1 tahun selepas kontrak tersebut.

### **3.5 Anggaran Keperluan/Kuantiti**

Kuantiti yang diperlukan bagi tujuan tender ini adalah seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Harga (Lampiran F)** yang dikembarkan bersama-sama ini. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang tidak menjamin dalam apa cara sekalipun bahawa kuantiti yang disebutkan dalam pelawaan sebutharga ini akan dipesan kesemuanya, kurang atau lebih tetapi petender yang berjaya mesti sedia membekalkan semua pesanan sekiranya pesanan-pesanan melebihi kuantiti-kuantiti yang dianggarkan ini dengan harga dan syarat-syarat yang sama.

### **3.6 Katalog dan Contoh**

- i. Bagi setiap butir yang ditawarkan, mestilah disertakan dengan KATALOG. Bagi SALINAN ASAL Dokumen Tender (Bahagian Teknikal), lampirkan dengan KATALOG ASAL sementara bagi satu (1) salinan Dokumen Tender (Bahagian Teknikal) yang lain, salinan fotostat katalog adalah memadai.
- ii. Semua katalog/risalah mestilah di dalam Bahasa Malaysia atau Inggeris.
- iii. Semua katalog atau risalah mestilah ditulis nombor tender dan kod butir yang dimasukinya. **Nama petender tidak**

**boleh dicatitkan di atas katalog atau risalah yang disertakan.**

- iv. Petender dikehendaki mengemukakan contoh butir yang ditawarkan apabila diminta. Segala perbelanjaan berhubung dengan penghantaran contoh adalah atas tanggungan petender sendiri.
- v. Tawaran yang tidak disertai dengan katalog **ASAL atau contoh butir (apabila diminta) boleh menyebabkan tawaran tidak dipertimbangkan.**

### **3.7 Penghapusan Deposit Tender/Menarik Balik Tawaran**

Petender-petender tidak diperlukan untuk mengemukakan deposit tender. Walau bagaimanapun, andainya ada petender yang menarik balik tawaran sebelum tender dipertimbangkan atau yang menolak tawaran setelah tawaran dibuat, tindakan untuk menggantung pendaftaran syarikat tersebut akan diambil seperti berikut:-

- i. Dua (2) tahun bagi kesalahan kali pertama.
- ii. Lima (5) tahun bagi kesalahan kali kedua.
- iii. Pendaftaran akan dibatalkan terus bagi kesalahan berikutnya.

### **3.8 Setujuterima Tender**

- i. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang adalah berhak menyetujui terima tender tersebut sama ada kesemuanya ataupun sebahagian daripadanya. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.
- ii. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang juga berhak untuk memilih lebih daripada satu petender untuk satu-satu kontrak jika difikirkan memberi faedah kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
- iii. Keputusan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang adalah muktamad. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan dari petender-petender mengenai sebab-sebab tawaran mereka tidak berjaya.

### **3.9 Kontrak**

- i. Petender yang berjaya adalah diwajibkan mengikat satu Kontrak dengan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
- ii. Syarat dalam penentuan tender dan syarat-syarat dalam surat tawaran adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.
- iii. Petender yang berjaya dikehendaki menyediakan Kontrak Asal serta salinan-salinan fotostat kontrak dan distemkan. Perbelanjaan tersebut akan ditanggung oleh petender yang berjaya.

### **3.10 Tempoh Kontrak Sewaan**

Tempoh kontrak sewaan adalah untuk tiga (3) tahun iaitu bermula daripada tarikh perjanjian ditandatangani. Walau bagaimanapun, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang berhak menentukan tempoh kontrak yang sebenarnya.

### **3.11 Perubahan Syarat-Syarat**

- i. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang sentiasa berhak mengubah dari semasa ke semasa syarat-syarat yang terkandung dalam kontrak dan mulai dari tarikh yang dinyatakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang barang-barang yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut.
- ii. Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan perbelanjaan bagi pengeluaran atau tempoh pengeluaran, maka harga barang-barang yang terlibat dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan kedua-dua pihak secara bertulis.

### **3.12 Iklan**

Tiada maklumat mengenai kontrak boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telahpun dihantar kepada dan diluluskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu.

### **3.13 Penamatan Persetujuan**

- i. Dengan memberi notis bertulis kepada petender dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang boleh terus menamatkan persetujuan ini:
  - a. Jika petender melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam persetujuan ini;
  - b. Jika petender itu sebagai orang perseorangan atau, apabila petender itu adalah suatu firma, mana-mana pekongsi firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah penerimaan atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sepiutang-sepiutang, atau jika pembekal itu adalah syarikat, meluluskan suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau pengurus bagi pihak seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat sesuatu perintah penggulungan.  

atau
  - c. Jika Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang mempunyai sebab mempercayai bahawa petender atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan petender) melakukan perbuatan rasuah. Dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan persetujuan ini tidak menyentuh hak-hak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk mendapatkan balik gantirosak.

### **3.14 Pertikaian**

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dengan petender mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit darinya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dengan Petender, dirujuk kepada penimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan seorang oleh petender. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

### 3.15 Undang-Undang

Persetujuan ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh Undang-Undang Malaysia.

### 3.16 Jaminan

- i. Sekiranya dalam tempoh sewaan, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang mendapati barang-barang tersebut tidak memuaskan atau rosak bukan disebabkan oleh penyalahgunaan atau kecuaiian Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, petender hendaklah membaiki dan jika perlu menggantikan mana-mana alat atau alat-alat yang tidak berfungsi dengan memuaskan dalam tempoh sewaan tersebut tanpa apa-apa bayaran tambahan.
- ii. Sekiranya petender gagal mengganti/membaiki alat-alat berkenaan dengan memuaskan maka Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang boleh sama ada:
  - a. Mendapatkan mana-mana orang berkelayakan bagi mengganti/membaiki alat-alat itu di mana semua kos yang kena bayar bagi tujuan tersebut hendaklah ditanggung oleh petender;

atau

  - b. Memulangkan alat berkenaan dan petender hendaklah membayar denda, pampasan dan kos-kos yang terlibat dengan pemulangan itu.
- iii. Sekiranya kelambatan penggantian atau pembaikan mana-mana alat yang tidak mengikut spesifikasi dengan memuaskan maka Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang boleh mengenakan denda terhadap petender sebanyak satu peratus (1%) daripada harga alat itu pada setiap (7) hari kelambatan tetapi tidak melebihi lima peratus (5%) harga alat itu.
- iv. Pembekal perlu bersetuju memberi tindakbalas (*respond time*) kepada sebarang aduan kerosakan dalam tempoh 2 hingga 4 jam atau selewat-lewatnya *next business day* (jika aduan dibuat selepas jam 3.00 petang).
- v. Jika didapati terdapat sistem kepunyaan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang tidak dapat berfungsi dengan baik akibat dari masalah-masalah perisian atau perkakasan, pembekal harus memasukkan semula (*reinstall*) perisian-perisian

standard yang dipersetujui serta membuat *setup/configuration* ke atas komputer yang disewa.

- vi. Semasa proses pemasangan, pembekal harus membuat *hard disk partition, create user account, data migration* dan sebagainya mengikut keperluan pengguna Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

### **3.17 Penyelenggaraan Dalam Tempoh Sewaan**

Petender yang berjaya adalah dikehendaki memberi perkhidmatan penyelenggaraan bagi alat-alat yang dibekalkan dalam tempoh 3 tahun sewaan tanpa sebarang kos tambahan.

### **3.18 Cara Pesanan**

Petender yang berjaya dikehendaki membekalkan semua bekalan dalam tempoh **dua (2) minggu hingga tiga (3) minggu** dari tarikh yang dinyatakan dalam surat setuju terima. Apa-apa pesanan tambahan bagi alat-alat yang tidak disenaraikan akan dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam tempoh masa kontrak berjalan. Bila pesanan demikian dikeluarkan, bekalan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh dua (2) bulan daripada tarikh pesanan dikeluarkan.

### **3.19 Pemeriksaan Sebelum Penerimaan**

- i. Dokumen **Akuan Penerimaan** hendaklah ditandatangani bersama oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Petender kepada kontrak ini jika didapati ianya menepati spesifikasi yang ditetapkan.
- ii. Dokumen **User Acceptance Test (UAT)** hendaklah ditandatangani bersama oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Petender jika didapati semua perkakasan/perisian menepati ujian yang ditetapkan dalam dokumen tersebut. Kandungan dan format Dokumen **User Acceptance Test (UAT)** akan ditentukan bersama oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Petender apabila tender telah ditawarkan.
- iii. Jika barang-barang yang diperiksa didapati rosak atau rendah kualitinya, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang berhak menolak barang-barang itu dan petender hendaklah membaiki

atau menggantikan barang itu kepada yang lain di atas perbelanjaan dan kos yang ditanggungnya sendiri.

### **3.20 Tempat Dan Masa Penghantaran**

- i. Semua kuantiti yang dipesan hendaklah dihantar, dipasang dan diuji di semua tempat yang terbabit. Sebelum membuat penghantaran petender dikehendaki menghubungi pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang **secara bersurat** untuk memberitahu jadual penghantaran. Penyerahan hendaklah dibuat semasa waktu pejabat.
- ii. Pembekal yang berjaya adalah dikehendaki menyempurnakan pembekalan dan penghantaran semua alat-alat berkenaan tidak lewat dari dua (2) minggu hingga tiga (3) minggu daripada tarikh surat setuju terima.

### **3.21 Penyediaan Komputer Untuk Ujian Ketepatan Spesifikasi**

Petender yang disenarai pendek oleh pentadbiran ini **DIWAJIBKAN** untuk menyediakan satu (1) unit PC seperti yang ditawarkan di dalam dokumen tender bagi tujuan menyemak ketepatan spesifikasi dan menguji operasi komputer yang ditawarkan.

### **3.22 Pembekalan, Pemasangan & Pengujian**

Petender yang berjaya dikehendaki melaksanakan skop kerja seperti berikut:

- i. Membekal dan memasang komputer sewaan di lokasi pengguna.
- ii. Menyalin folder data yang ditetapkan di komputer semasa pengguna ke komputer sewaan baru yang dibekalkan.
- iii. Mengkonfigurasi rangkaian & pencetak seperti komputer semasa pengguna.
- iv. Melaksanakan ujian penerimaan pengguna (UAT) seperti yang ditetapkan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
- v. Menyedia dan menyerahkan laporan UAT secara teratur kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

- vi. Menyerahkan senarai pengguna dalam bentuk softcopy mengikut format yang ditetapkan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

### **3.23 Harga**

- i. Harga bagi tiap-tiap alat yang ditawarkan hendaklah dalam Ringgit Malaysia sahaja dan hendaklah termasuk semua kos menghantar, memasang, installasi dan menguji (di mana perlu) serta mestilah harga yang sudah termasuk insurans bagi sepanjang tempoh sewaan.
- ii. Harga yang ditawarkan hendaklah harga tetap.
- iii. Petender yang menawarkan harga dalam mata wang asing atau mengikut kadar perubahan mata wang asing tidak akan dipertimbangkan.

### **3.24 Pembayaran**

- i. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang akan memulakan pembayaran program sewaan selepas semua komputer dipasang dan beroperasi, kontrak perjanjian ditandatangani dan dokumen-dokumen berikut diterima oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang:
  - a. Invois - tiga (3) salinan; (termasuk satu (1) salinan asal).
  - b. Dokumen Akuan Penerimaan.
  - c. Dokumen User Acceptance Test.
- ii. Pembayaran yang dibuat tidak boleh dianggap sebagai perakuan bahawa barang-barang itu adalah mengikut kualiti yang dikehendaki. Bayaran oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang tidak melepaskan petender atas tanggungjawab yang berkaitan di dalam kontrak ini.
- iii. Semua pembayaran adalah dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM).

### **3.25 Denda Lewat Bekal dan Pemasangan**

- i. Petender yang berjaya mestilah menyempurnakan kontrak pembekalan dan pemasangan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam kontrak.

- ii. Petender yang berjaya akan dikenakan denda sekiranya kelewatan yang berlaku adalah berpunca daripada pembekal sendiri. Cara perkiraan denda tersebut adalah mengikut formula berikut:-

Formula bagi mengenakan denda:

$$\text{Denda : } \frac{V(T+D)}{T} \times 5\%$$

V : Nilai harga barang yang lewat dibekalkan

T : Tempoh bekalan mengikut Kontrak (dalam hari)

D : Bilangan hari yang lewat

### **3.26 Program Sewaan**

Jadual Pematuhan Program Sewaan seperti di **Lampiran G** mestilah disertakan dalam **Bahagian Teknikal Cadangan Tender**.

### **3.27 Tempoh Sah Laku**

- i. Semua harga yang ditawarkan hendaklah sah laku (valid) dalam **tempoh tidak kurang daripada 180 hari** daripada tarikh tender ditutup.
- ii. Mana-mana petender yang mengemukakan tempoh sah laku kurang daripada masa yang ditetapkan (180 hari) tidak akan dipertimbangkan.